# PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 21 BILANGAN 6 | RABU 11HB. FEBRUARI, 1976. | 1396 رابو 10 صفر | PERCHUMA


## PENGORNIAAN MUSIM PERTAMA TAHUN 1976

# 194 orang di-korniakan Bintang2 Kebesaran dan Pingat2 Kehormatan

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah mengorniakan Bintang2 Kebesaran dan Pingat2 Kehormatan Negeri Brunei kapada 195 orang Bagi Musim Pertama Tahun 1976.**

Istiadat mengorniakan Bintang2 Kebesaran itu telah di-langsongkan di-Lapau di-sini pagi semalam.

YDM Dayang2 Diraja Datin Seri Setia Rosnah binte Abdullah telah mendahului senarai pengorniaan tersebut dengan di-korniakan **Darjah Kerabat Yang Amat Di-Hormati D.K. (Seri Utama).**

Dua orang telah di-korniakan **Darjah Seri Ugama Islam Negeri Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Pertama — P.S.S.U.B.** Mereka ia-lah Y. B. Pehin Datu Imam Dato Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal dan Y. B. Begawan Pehin Khatib Dato Seri Utama Haji Metali bin Matyassin.

**Darjah Pahlawan Negara Brunei Yang Amat Perkasa Darjah Pertama—P.S.P.N.B.** telah di-korniakan kapada tiga orang. Mereka ia-lah YAM Pengiran Putera Negara Pengiran Umar bin Pg Datu Penghulu Pg Haji Apong, YAM Pengiran Ratna Indera Lt. Col. Pengiran Ibnu bin Pg Datu Penghulu Pg Haji Apong dan Y. B. Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt. Col. Dato Setia Mohammad bin Haji Daud.

YDM Pehin Orang Kaya Perbendaharaan Diraja Begawan Pehin Khatib Haji Ali Hussain bin Khatib Muhammad di-korniakan **Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahgia Darjah Pertama — P.S.N.B.**

Enam orang telah di-korniakan **Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Pertama — P.S.L.J.** Mereka ia-lah YAM Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibol Irshad Pengiran Haji Damit bin Pg Anak Sabtu, YAM Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibol Bandar Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohd Daud, YAM Pengiran Indera Mahkota Pengiran Haji Kamaluddin ibni Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji Mohd Yassin, Datin Seri Laila Jasa Masnah binte Haji Mohd Yusof, YDM Dayang2 Diraja Datin Seri Laila Jasa Olga Coates dan Awang Haji Ishak bin Adam.

Begawan Mudim Dato Paduka Haji Adnan bin Pehin Datu Imam Haji Mokti dan Awang Haji Abdul Salam bin Abdul Razak masing2 di-korniakan **Darjah Seri Ugama Islam Negeri Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Kedua — D.S.S.U.B.**

**Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Kedua — D.S.L.J.** telah di-korniakan kapada 14 orang. Penerima2 itu ia-lah YAM Pengiran Seri Maharaja Pg Muda Omarali ibni Al-Marhum Pengiran Bendahara Pg Anak Abdul Rahman, YDM Pehin Datu Inderasugara Awang Haji Johari bin Abdul Razak, YDM Pehin Datu Kerma Setia Captain Mohd Don bin Abdul Latif, YDM Pehin Menteri Bini Hajjah Mariam binte Awang Ahmad, YDM Pehin Jawatan Bini Dayang Hajjah binte Pehin Datu Imam Haji Mokti, YDM Pehin Datu Harimau Padang Maior Hussin bin Ahmad, YDM Pehin Datu Maharajalela Major Dato Paduka Haji Musa bin Haji Yaakub, YDM Pehin Datu Paduka Raja Captain Shari bin Ahmad, YDM Pehin Datu Per-

**Lihat muka 8**



**D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei sedang menganugerahkan Darjah Seri Ugama Islam Negeri Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Pertama — P.S.S.U.B. kapada Kadzi Besar Brunei, Y.B. Begawan Pehin Khatib Dato Seri Utama Haji Metali bin Matyassin.**

## Keputusan S.A.P Singapura/Cambridge:

## Sekolah Menengah Arab atasi lain2 sekolah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 65 orang chalun dari tiga buah sekolah Menengah di-negeri ini telah lulus pepereksaan Sijil Am Pelajaran Singapura/ Cambridge (Peringkat Biasa) yang telah di-adakan pada tahun lalu. Sa-ramai 321 orang yang lain-nya mendapat Sijil Am Pelajaran. Jumlah chalun yang mendudoki pepereksaan itu ia-lah 493 orang dan peratus lulus ada-lah bersamaan dengan 13.18 peratus.

Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah dan Raja Isteri Anak Damit telah mengatasi lain2 sekolah dengan mendapat 25.61 peratus kelulusan. Dari 82 orang chalun yang mendudoki pepereksaan itu, sa-ramai 21 orang chalun telah lulus dan 58 orang mendapat Sijil Am Pelajaran.

Ini di-ikuti oleh Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong dengan 18.00 peratus kelulusan. Sa-ramai 100 orang chalun mengambil pepereksaan, 18 orang lulus dan 61 yang lain-nya mendapat Sijil Am Pelajaran.

Dari sa-ramai 311 orang chalun yang di-kemukakan oleh Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara, 26 orang telah lulus dan 202 orang yang lain-nya mendapat Sijil Am Pelajaran. Peratus lulus ia-lah 8.36.

Sementara itu, sa-ramai 698 orang chalun persendirian yang mengambil pepereksaan itu, hanya 29 orang chalun sahaja yang lulus dan 396 yang lain-nya mendapat Sijil Am Pelajaran. 27 orang yang lulus itu ia-lah chalun persendirian dari Bandar Seri Begawan dan dua orang lagi dari Seria.

### Temasha lumba perahu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tiga achara sokan dan temasha lumba perahu akan di-adakan dalam bulan ini sa-bagai memperingati keberangkatan DYMM Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II ka-Brunei.

Salah satu daripada-nya ia-lah perlawanan bola sepak antara pasokan2 Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan; Wazir dan Cheteria; Pehin2 Manteri dan Ketua2 Kampong yang telah di-mulakan pada minggu lalu.

Perlawanan tarek kalat di-adakan pada 15hb Februari dan achara oleh raga di-adakan pada 22hb Februari.

Kemunchak dari achara sokan itu ia-lah temasha lumba perahu yang akan di-adakan di-Sungai Brunei pada hari Ahad 29hb Februari.

## DUA PEGAWAI HADHIRI SIDANG DI-CANBERRA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang pegawai dari Jabatan Pertanian telah berlepas ka-Canberra, Australia pada hari Jumaat lepas untok mewakili negeri ini ka-Sidang Jawatankuasa Pemeliharaan Tumboh2-an bagi Asia Tenggara dan Rantau Pacifik kali yang ke-10.

Dua orang wakil itu ia-lah Awang T. Peregrine, Ahli Kaji Penyakit Tumboh2an dan Awang Kassim bin Ahmad, Pegawai Pemelihara Tumboh2an.

Persidangan sa-lama dua minggu itu berkisar mengenai kerjasama dalam langkah memelihara tumboh2an di-seluroh dunia dan lebeh dari 20 buah negara Asia Tenggara dan Rantau Pacifik mengambil bahagian dalam persidangan tersebut.

## Derma kali ka-lapan dari Haji Atan untok tabong stadium

BANDAR SERI BEGAWAN.—Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar selaku Setia Usaha Agong Tertinggi Tabong Pembenaan Stadium telah menerima wang tunai berjumlah $100.00 sumbangan dari Awang Haji Atan bin Kasim dari Kampong Sungai Kedayan 'B' sa-bagai menjunjong titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mengenai pembenaan stadium.

Derma kali ka-lapan dari Awang Haji Atan itu di-perolehi-nya dari hasil keuntongan berjual-jualan di-kawasan tamu di-Bandar Seri Begawan.

Sa-bagai menghargai usaha yang di-buat oleh Awang Haji Atan dan ingatan-nya untok menderma kapada tabong pembenaan stadium dan perasaan ta'at setia beliau untok menjunjong titah Baginda itu, maka Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja telah menguchapkan terima kaseh dan menyeru rakyat serta pendudok negeri ini supaya dapat mengikuti langkah yang sa-demikian dalam usaha menjayakan bersama pembenaan stadium di-negeri ini.

## Ketetapan harga2 barang sa-hari2

BERIKUT ini ada-lah sa-bahagian dari senarai harga2 barang sa-hari2 yang di-keluarkan oleh Pengawal Harga Brunei untok panduan orang ramai. Senarai lain2 harga barang akan di-siarkan tiap2 kali keluaran.

| | | |
|---|---|---|
| **STARCH** | | |
| Robin Starch B | 227-g. | $ 1.30 |
| „ „ C | 113-g. | $ 0.75 |
| **BRASSO** | | |
| Brasso — No. 2 | | $ 0.80 |
| — No. 6 | | $ 1.50 |
| — No. 12 | | $ 2.45 |
| **READY-COOKED FOOD** | | |
| Dry Porridge | 40-gms | $ 0.50 |
| – do – | 70-gms | $ 0.80 |
| **CAKE** | | |
| Rich Fruit | $1\frac{1}{4}$-lbs | $ 5.00 |
| Vintage Fruit | $1\frac{3}{4}$-lbs | $ 6.60 |
| Big Sister Fruit & Cherry | | $ 2.20 |
| **FLOUR & PURE GHEE** | | |
| "Roses" Wheat Flour | 50-lbs | $ 0.60 per kt. |
| "Sandow" Wheat Flour | 50-lbs | $ 0.60 „ „ |
| Q.B.E. Pure Ghee | 5-oz | $ 1.30 |
| – do – | 1-lb | $ 3.40 |
| – do – | 2-lb | $ 6.50 |
| Rose & Banana Syrup | 24-oz | $ 2.15 |
| **TOMATO PUREE** | | |
| Tomato Puree — S & W | 303 | $ 1.75 |
| **TOMATO PASTE** | | |
| Tomato Paste — S & W | 6-oz | $ 1.00 |
| **TINNED FRUITS** | | |
| Beet Root Sliced | 12-oz | $ 1.15 |
| Straw-Berries (Guthrie Brand) | $15\frac{1}{2}$-oz | $ 1.30 |
| Sliced Peaches – do – | 29-oz | $ 1.95 |
| Pear Halves – do – | 29-oz | $ 1.80 |
| Two Fruits – do – | 29-oz | $ 1.85 |
| **CHOCOLATE** | | |
| Nestle's Chocolate | 2-oz | |
| Superfime Chocolate | 42-gr. | $ 0.50 |
| Fruit & Nut | 42-gr. | $ 0.50 |
| Brazil Nut | 42-gr. | $ 0.50 |
| Milk Chocolate | 42-gr. | $ 0.50 |



Y. A. M. Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya menyampaikan sijil kapada Awang Md. Yusof bin Perak.

## UTK MELICHINKAN P'BIRAN KERAJAAN DYMM

## K'sama antara satu sama lain perlu di-utamakan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pesurohjaya Pulis Diraja Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid menyeru pegawai2 dan kakitangan Kerajaan supaya menjalankan tugas masing2 dengan jujor dan penoh tanggong-jawab demi untok meninggikan taraf pentadbirian Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Yang Amat Mulia bersabda, ini dapat di-lakukan dengan bekerjasama antara satu sama yang lain dengan tidak mengira samada mereka itu pegawai, kerani, pelayan atau buroh.

Beruchap ketika menutop Kursus Sivik Pegawai2 Rendah dan Buroh Kerajaan di-Pusat Belia di-sini baru2 ini, Yang Amat Mulia bersabda, walaupun mereka itu mempunyai peranan masing2, tetapi ia-nya mempunyai satu tujuan ia-itu menjalankan urusan dan melichinkan pentadbiran Kerajaan Duli Yang Maha Mulia.

Pesurohjaya Pulis itu mensifatkan kerjasama antara pegawai2 dan kakitangan itu sa-bagai sa-lingkar rantai yang mana kekuatan-nya bergantong pada tiap2 matanya.

Mengenai keselamatan, Yang Amat Mulia itu bersabda, sa-bagai kakitangan Kerajaan, mereka itu ada-lah juga bertanggong-jawab untok menjaga dan mengekalkan kedaulatan dan ketenteraman negeri kita yang di-chintai ini. Mereka boleh membantu pehak yang berkuasa dengan melaporkan perkara2 yang tidak di-ingini yang mengencham keselamatan dan ketenteraman awam.

Menyentoh mengenai kursus tersebut, Yang Amat Mulia mensifatkan-nya sa-banyak sedikit memberikan gambaran apa yang sebenarnya berlaku di-negeri Brunei ini.

Yang Amat Mulia bersabda, peserta2 kursus telah mendengar cheramah2 dan di-bawa melawat kebeberapa tempat yang tertentu yang mana cheramah2 dan tempat2 itu di-fikirkan berfaedah untok pengetahuan mereka semua.

Akhir-nya, Yang Amat Mulia itu menyeru peserta2 kursus supaya menggunakan segala apa yang di-perolehi mereka dalam kursus tersebut dan menggunakan-nya sa-bagai bahan yang berguna dalam menjalankan tugas mereka masing2.

Sa-ramai 56 orang peserta dari 37 buah jabatan2 Kerajaan di-Daerah Brunei dan Muara telah mengambil bahagian dalam kursus sa-lama tiga hari itu. Kursus Musim Kedua itu di-anjorkan oleh Bahagian Penerangan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan.

Kursus yang sama bagi pegawai2 rendah dan buroh2 di-Daerah Tutong dan Temburong akan di-adakan di-Pusat Belia pada 24hb Februari ini.

## Pameran senilukis sekolah2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pameran Senilukis dan Pertukangan Tangan Sekolah Menengah dan Maktab2 seluroh negeri akan di-adakan dalam bulan Mei depan.

Pameran kali ke-11 itu di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran dan akan di-bahagikan kapada tiga kumpolan ia-itu Kumpolan 'A' bagi Tingkatan/Form I-II; Kumpolan 'B' bagi Tingkatan/Form III-IV dan Kumpolan 'C' bagi Tingkatan/Form V-VI.

Tiap2 lukisan dan pertukangan yang akan di-pamerkan hendak-lah di-buat atau di-lukis oleh penuntut itu sendiri tanpa bantuan. Lukisan mesti-lah berukoran tidak lebeh dari 16 inchi x 22 inchi dan hendak-lah di-bingkai atau di-lekat di-atas kertas tebal sementara tiap2 pertukangan tangan pula mesti-lah berukoran tidak ku-

Lihat muka 8




PERTANDINGAN Kuiz antara sekolah2 di-seluroh negeri telah di-mulakan sejak awal bulan ini.

Pertandingan kali yang ke-empat anjoran Jabatan Pelajaran Bahagian Latehan Kesenian itu ada-lah terbahagi kapada tiga bahagian—Bahagian Sekolah2 Rendah; Bahagian Sekolah Menengah Bawah dan Sekolah2 Persediaan Inggeris.

Gambar kiri menunjokkan peserta2 dari Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah Tutong yang telah berjaya mengalahkan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong dalam peraduan yang di-adakan pada hari Khamis lalu.

Pertandingan akhir kuiz itu di-jadualkan di-adakan di-Sekolah Melayu Pusar Ulak, Bandar Seri Begawan pada 6hb Mach depan.

# Menambah atau mengurangi sa-suatu ibadat yg tidak di-suroh oleh ugama Islam di-sifatkan sa-bagai bida'ah

SA-TIAP orang Islam ada-lah di-wajibkan belajar dan mempelajari apa jua ilmu pengetahuan yang berguna dan berfaedah bagi diri-nya atau masharakat, negara dan ugama-nya. Ilmu yang paling penting di-pelajari oleh tiap2 orang Islam yang mukhalaf ia-lah ilmu ibadat atau bagaimana chara mengerjakan sa-suatu ibadat. Mempelajari ilmu ibadat ini hukum-nya ia-lah fardhu 'ain, supaya dengan ilmu ibadat yang chukop sa-seorang itu akan dapat mengerjakannya dengan sempurna serta tidak menambah atau mengurangi sa-suatu.

Kejahilan sa-seorang akan chara mengerjakan sa-suatu ibadat dapat membawa-nya kapada dua perkara yang tidak di-ingini, ia-itu samada ia tidak mahu mengerjakan ibadat tersebut atau pun ia tidak tahu mengerjakan-nya. Pengetahuan yang sedikit atau tidak menchukopi pula, juga boleh membawa sa-seorang itu kapada dua perkara yang tidak di-ingini, ia-itu samada ia mengerjakan ibadat itu dengan tidak lengkap dan sempurna atau ia melebeh2kan dan mengada2kan sa-suatu yang tidak di-suroh oleh ugama dan perbuatan ini di-namakan bida'ah.

## Khutbah Jumaat

Dalam sa-buah hadith Rasulullah yang di-riwayatkan oleh Abu Daud dan Al-Termaji ada di-terangkan bahawa bida'ah itu ada dua macham ia-itu bida'ah yang terpuji dan bida'ah yang terchela. Maka bida'ah yang sesuai dengan perbuatan Rasulullah ada-lah bida'ah yang terpuji, manakala bida'ah yang bertentangan dengannya ada-lah bida'ah yang terchela.

Perbuatan2 bida'ah yang terchela asal-nya di-lakukan oleh orang2 atau golongan2 yang memusohi ugama Islam ia-itu orang2 munafik, orang2 Yahudi dan orang2 Majusi. Golongan2 ini walaupun telah memelok ugama Islam, tetapi pada hakikatnya dengan senyap2 telah menjadi musang berbulu ayam dan menjadi penyakit yang merbahaya kapada masharakat Islam. Tujuan mereka tidak lain dan tidak bukan sa-mata2 untok merosakkan ugama Islam dari dalam ia-itu dengan merachuni fikiran penganut2-nya serta merosakkan kesuchian akidah mereka dengan mengada2kan perkara2 yang tidak ada dalam ugama Islam.

Sa-tengah2 perbuatan bida'ah yang terchela pula lahir daripada kejahatan orang2 Islam sendiri terhadap ajaran2 ugama mereka yang benar. Konon-nya dengan bida'ah2 yang mereka ada2kan itu ugama Islam akan sempurna dan chara peribadatan mereka akan lebeh baik serta lebeh di-redzai oleh Allah Subhanahu-Wataala, tetapi mereka tidak sedar bahawa bida'ah2 itu ada-lah menyalahi ajaran2 Islam yang sa-benar serta memberi kesan burok kapada kesuchian akidah dan peribadatan yang mereka lakukan. Walau pun bida'ah2 dalam bahagian ini sebenar-nya telah ada semenjak zaman permulaan Islam ia-itu sabagai kesan kapada kebudayaan dan keperchayaan umat Islam sa-belum-nya, tetapi nampak-nya bida'ah2 sa-umpama itu maseh terdapat serba sedikit di-kalangan orang Islam pada zaman ini ia-itu saperti memohon kapada Allah melalui orang yang telah mati dan sebagai-nya.

Di-antara bida'ah yang terang2 menyalahi ajaran ugama Islam yang sa-benar serta terbentang dengan perbuatan Rasulullah s.a.w. ia-lah menambah atau mengurangi sa-suatu dalam ibadat sembahyang. Bida'ah2 sa-umpama ini di-amalkan oleh umat Islam di-negeri ini. Biar-lah tidak usah kita nyatakan di-sini akan bentok2 bida'ah tersebut, tetapi yang pasti bahawa ada di-antara kita yang mengamalkan perkara2 ganjil dan luar biasa sa-masa mengerjakan sembahyang. Perbuatan2 bida'ah yang kita sebutkan ini, bagi sa-tengah2 orang di-anggap sa-bagai sa-bahagian daripada ilmu bathin dan diperchayai mempunyai tafsiran2, pengertian2 dan tujuan2 yang tertentu, tetapi tidak-lah mereka yakin dari manakah mereka mendapat ilmu tersebut dan apakah pula nas yang menunjokkan ada-nya ilmu itu. Mereka hanya bermatian mengatakan bahawa ilmu itu ada-lah ilmu *"orang tua."*

Sebenar-nya perbuatan bida'ah atau mengada2kan sarupa ini dalam ibadat sembahyang ada-lah merupakan perbuatan yang menyalahi dan di-larang. Oleh itu umat Islam ada-lah di-serukan supaya menjauhi dan mengelakkan diri daripada membuat perkara2 yang sengaja di-ada2kan ini kerana Rasulullah pernah bersabda yang arti-nya: *"Jauhi-lah oleh kamu akan perkara2 yang baharu di-ada2kan, kerana sesunggoh-nya bida'ah itu ada-lah sesat."*

Untok mempelajari ilmu2 ugama, khusus-nya yang bersangkut paut dengan ibadat, kita hendak-lah berhati2 memileh guru atau kitab yang menjadi sumbar atau puncha kapada ilmu2 tersebut. Jangan hendak-nya kita terpileh guru atau kitab yang maseh di-ragukan kebenarannya, kerana dengan jalan ini mungkin kita akan terdorong kapada kesesatan dan semua amal ibadat kita akan sia2 serta tidak d-terima oleh Allah Subhanahu-Wataala.

# Tiga pegawai AMDB ke-U.K.

BANDAR SERI BEGAWAN.—Tiga orang pegawai Askar Melayu Diraja Brunei akan berlepas ka-United Kingdom esok, 12hb Februari untok menjalani kursus Platoon Commander di-School of Infantry Warminster, England.

Mereka ia-lah Lt. Pg. Tajuddin bin Pg. Hashim, Lt. Aminuddin bin Haji Abdul Wahab dan Lt. Daud bin Haji Jamil.

Pegawai itu akn hendak disana sa-lama kira2 tiga bulan.

Sementara itu 10 orang ahli pasokan Kadet Brunei telah berlepas ka-Singapura pada 7hb Februari lalu untok mengikuti kursus Outward Bound School, Pulau Ubin, Singapura. Mereka akan berada di-repablik itu hingga 3hb Mach.

Mereka ia-lah 2Lt. Marzuki bin Haji Ahmad, L/Cpl Abd Latif bin Aspar, Khalid bin Abd Hamid, Zaini bin Tunol, Anting bin Juing, Johari bin Ariff, Bujang bin Ahmad, Rahman bin Ghani, Ibrahim bin Ali dan Ahmad bin Ghani.

# Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 11hb Februari, 1976 hingga ka-hari Selasa 17hb Februari, 1976 ada-lah saperti di-bawah ini : —**

| *Hari Bulan* | *Dzohor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 11hb Feb | 12.40 | 4.01 | 6.38 | 7.49 | 5.06 | 5.20 | 6.35 |
| 12hb Feb | 12.40 | 4.01 | 6.38 | 7.49 | 5.06 | 5.20 | 6.35 |
| 13hb Feb | 12.40 | 4.01 | 6.38 | 7.49 | 5.06 | 5.20 | 6.35 |
| 14hb Feb | 12.40 | 4.01 | 6.38 | 7.49 | 5.06 | 5.20 | 6.35 |
| 15hb Feb | 12.40 | 4.01 | 6.38 | 7.49 | 5.06 | 5.20 | 6.35 |
| 16hb Feb | 12.40 | 4.00 | 6.38 | 7.49 | 5.05 | 5.20 | 6.34 |
| 17hb Feb | 12.40 | 4.00 | 6.38 | 7.49 | 5.05 | 5.20 | 6.34 |

**Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.**

# WOMEN WEAR THE TROUSERS



Police motor-cyclists are attracting second looks on Brunei's roads these days because the mobile constable are in some case women.

Having already proved that in many aspects of police work they are just as good as the men, six of the women constables have been formed into a motor-cycle squad.

Attractively dressed in blue police shorts and tan bell-bottomed trousers they are now familiarising themselves with their machines before taking up duties as traffic outriders.

But the bad news for motorists is that if they are stopped by a police motor-cylist it will be a man. The women consables will not be used as traffic policemen — at least not just yet.






## FIRST FLOTILLA FI...








# OTLLA FLEXES ITS MUSCLES

Above: Men of the First Flotilla, Royal Brunei Malay Regiment, prepare to embark on exercise Flex, in which the vessels men and patrol boats, like the one left, "defended" the Muara marine base against an attack by insurgents.







Above: Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Temenggong Sahibul Bahar Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Abdul Rahman Piut inspects men of the 37th recruit intake of the Royal Brunei Malay Regiment during their passing out parade.

On the left the recruits slow march past the saluting stand where Pengiran Temenggong took the salute at Bolkiah Camp last Friday.

The intake of 68 men had just completed 25 weeks of basic training.

At the parade Pengiran Temenggong presented lieutenant's stars to Lt Mohammad Yusof who has just been promoted from second lieutenant.

Eight of he recruits were also presented with the insignia of cadet officers.

## SUSUNAN RANCHANGAN MINGGU INI — TV

TV BRUNEI reserves the right to alter Programmes as necessary. Finalised telecast details will appear in our programme summaries.

**SATURDAY FEB. 14TH**

- 6.00 pm Opening, News Headlines, Programme Summary
- 6.05 pm Sesame Street
- 6.38 pm Azan
- 6.42 pm Sesame Street (cont'd.)
- 7.00 pm News in English
- 7.10 pm Dad's Army — "Gorilla Warfare"
- 7.40 pm Cannon "Bobby Loved Me"
- 8.30 pm Warta Berita
- 8.45 pm Pestarama — repeat
- 9.25 pm Star Soccer
- 10.05 pm Saturday Movie: Universal "Istanbul Express'
- 11.40 pm Close Down.

**SUNDAY FEB. 15TH**

- 6.00 pm Opening, News Headlines, Programme Summary
- 6.05 pm The Herbs
- 6.20 pm Star Trek Animation — "Jihad"
- 6.28 pm Koran
- 6.38 pm Azan
- 6.42 pm Star Trek Animation — cont'd.
- 6.57 pm Cartoon
- 7.00 pm News in English
- 7.10 pm Six Million Dollar Man "The Deadly Test"
- 8.00 pm Interlude
- 8.05 pm Survival "Air Support"
- 8.30 pm Warta Berita
- 8.45 pm Temasha Irama
- 9.15 pm Play "The Importance of being Ernest"
- 10.55 pm Close Down.

**MONDAY FEB. 16TH**

- 6.00 pm Opening, News Headlines, Programme Summary
- 6.05 pm Little House on the Prairie — "Money Crop"
- 6.38 pm Azan
- 6.42 pm Little House on the Prairie — cont'd.
- 7.00 pm News in English
- 7.10 pm The Ghost and Mrs Muir "Uncle Arnold the Magnificent"
- 7.35 pm Interlude
- 7.40 pm Alias Smith and Jones— "The Long Chase"
- 8.30 pm Warta Berita
- 8.45 pm Hawaii Five O — "Grand Stand Play Pt. 2"
- 9.35 pm Ghost Story — "Alter-ego"
- 10.25 pm Close Down.

**TUESDAY FEB. 17TH**

- 6.00 pm Opening, News Headlines, Programme Summary
- 6.05 pm Cartoon
- 6.13 pm Follyfoot "The Debt"
- 6.25 pm Koran
- 6.38 pm Azan
- 6.42 pm Follyfoot — cont'd.
- 6.55 pm Cartoon
- 7.00 pm News in English
- 7.10 pm Mission Impossible — "Gitano"
- 8.00 pm Interlude
- 8.05 pm Monkees — "Case of the Missing Monkee"
- 8.30 pm Warta Berita
- 8.45 pm Sa-pintas Lalu
- 9.15 pm Barbary Coast — "Sauce for the Goose"
- 10.05 pm The Regiment — "Dragon's Teeth"
- 10.55 pm Close Down.

**WEDNESDAY FEB. 18TH**

- 6.00 pm Opening, News Headlines, Programme Summary
- 6.05 pm U.F.O. "Timelash"
- 6.38 pm Azan
- 6.42 pm U.F.O. — cont'd.
- 7.00 pm News In English
- 7.10 pm When Things Were Rotten — "The French Disconnection"
- 7.40 pm New Scotland Yard — "Hard Contract"
- 8.30 pm Warta Berita
- 8.45 pm Ouiller — "Target North"
- 9.38 pm Show of the Week — "Julie Andrews"
- 10.25 pm Close Down.

**THURSDAY FEB. 19TH**

- 6.00 pm Opening, News Headlines, Programme Summary
- 6.05 pm Cartoon
- 6.17 pm The Flintstones — "At the Races"
- 6.28 pm Koran
- 6.38 pm Azan
- 6.42 pm The Flintstones — cont'd.
- 6.42 pm Cartoon
- 7.00 pm News in English
- 7.10 pm Wide World of Sport No. 21
- 7.40 pm The Rockford Files — "Exit Prentiss Carr"
- 8.30 pm Warta Berita
- 8.45 pm Hidayat
- 9.15 pm The Virginian — "A Small Taste of Justice"
- 10.30 pm Close Down.

**FRIDAY FEB. 20TH**

- 6.00 pm Opening, News Headlines, Programme Summary
- 6.05 pm The Herbs
- 6.20 pm The Fantastic Four — "The Mysterious Molecule Man"
- 6.29 pm Koran
- 6.38 pm Azan
- 6.42 pm The Fantastic Four cont'd.
- 6.54 pm Cartoon
- 7.00 pm News in English
- 7.10 pm The Living Body — "Food for Life"
- 7.24 pm The Scientists — "Full Face of the Earth
- 8.05 pm The Something Else Show
- 8.30 pm Warta Berita
- 8.45 pm Rampai Sari Budaya Asli repeat No. 3.
- 9.15 pm Mystery Movie: Mc-Cloud "Return to the Alamo"
- 10.45 pm Close Down.

# PEGAWAI BERTAULIAH AMDB DI-KEHENDAKI

ASKAR Melayu Diraja Brunei menawarkan pemuda2 di-Brunei pekerjaan yang menchabar dan yang ber- harga sa-bagai pegawai biasa bertauliah dalam pasokan ini. Regiment ini sedang berkembang. Ia-nya menghendaki pemu- da2 untok di-lateh dalam berbagai2 bidang kemahiran yang menarek. Ia-nya menghendaki pegawai2 dan pegawai2 yang di-lateh dalam berbagai2 bidang saperti penerbangan, pelayar- an, persenjataan, kejuruteraan, juruteknik. Jika kamu mem- punyai kelayakan2 pelajaran, pasokan ini boleh membantu kamu untok di-lateh dalam bidang2 tersebut.

Kami yakin bahawa kamu akan menerima tawaran ini sa- bagai satu chabaran. Jika demikian, memohon-lah untok di- temuduga yang akan di-jadualkan di-adakan akhir bulan April 1976. Sa-seorang pemohon hendak-lah menghantar per- mohonan bertulis kapada Pemerentah Askar Melayu Diraja Brunei, Perkhemahan Berakas dan permohonan2 hendak-lah sampai kapada-nya tidak lewat dari 25hb Mach, 1976.

Bagaimana pun, pehak kami memerlukan kamu dapat memenohi sharat2 yang berikut bagi membolehkan memasoki- nya :

(a) Pemohon2 mesti-lah di-lahirkan di-Negeri Brunei dan raayat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang biasa di-terima sa-bagai orang2 Melayu dari kaum jati puak2 Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.

(b) Jika sa-seorang pemohon bukan dari kaum jati puak2 itu, mereka mesti-lah berugama Islam dan bersesuaian dengan adat istiadat Melayu yang di-amalkan di-Brunei dan raayat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan oleh sebab sa-barang undang2 bertulis yang berhubong dengan ke-bangsaan.

(c) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan V Sekolah Inggeris dalam tahun 1976.

(d) Berumor di-antara 17½ hingga 25 tahun pada 2hb Ogos,, 1976 dan maseh bujang.

(e) Tinggi sekurang2-nya 5 kaki 1 inchi dan berat badan tidak kurang dari 105 paun.

Jika kamu di-terima sa-bagai Pegawai Kadet, pemohon2 akan menjalani latehan asas tentera di-Perkhemahan Bolkiah sa-lama enam hingga sembilan bulan. Mereka akan di-hantar keluar negeri tertaklok kapada tamat latehan dengan jaya-nya, untok latehan lanjut sa-belum menerima tauliah sa-bagai sa-orang Pegawai Pasokan itu.

Jika kamu memerlukan sa-barang maklumat, sila-lah ber-hubong terus kapada DAAG, Askar Melayu Diraja Brunei, nombor talipon 5581 sambongan 194.

## Pemberitahuan Tawaran

TAWARAN akan di-terima oleh Pengerusi Lembaga Tawa-ran, Brunei di-Pejabat Pegawai Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-hingga 4.00 petang 23hb Februari, 1976, kerana menguruskan kedai kechil (Tuck Shop) di-Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara, Brunei.

2. Pemborong yang berjaya mesti-lah membayar sewa tetap kapada Kerajaan kerana menggunakan bangunan sekolah sa-banyak $50.00 sa-bulan.

3. Pemborong yang berjaya mesti-lah membayar segala bayaran gas, ayer dan kuasa api letrik yang di-gunakan.

4. Segala alat2 perkakas yang perlu dan di-gunakan bagi menguruskan kedai kechil itu hendak-lah di-sediakan oleh pemborong itu sendiri.

5. Tawaran ini akan berjalan bagi masa sa-lama dua tahun dari tarikh perjanjian di-tanda tangani.

6. Tawaran mesti-lah di-masokkan ka-dalam sampul surat yang bertutop rapi dan alamatkan saperti di-perenggan 1 di-atas dan mesti-lah di-tulis dengan terang "KEDAI KECHIL" (CANTEEN) — JABATAN PELAJARAN BRUNEI.

7. Mesti-lah tidak ada sa-barang tanda di-luar sampul surat itu yang boleh mengenalkan nama pemborong dan tawaran2 yang di-tulis denagn tidak sempurna akan di-tolak.

8. Kerajaan tidak akan terikat bagi menerima sa-barang tawaran yang paling rendah atau sa-barang tawaran.

*Pengarah Pelajaran,*
*Brunei.*

## Kenyataan Tawaran

PEMBORONG2 ada-lah di-pelawa untok menghantar tawaran mereka kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Brunei di-alamat Pejabat Kewangan Negara Tingkat Bawah, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat pada 24hb Februari, 1976 jam 12.00 tengah hari dengan sampol surat ter-tutop tanpa membuboh nama pengirim dan hendak-lah mem-buboh nama di-sarong surat itu "ALAT2 PEMBESAR SUARA UNTOK SEKOLAH2 UGAMA" bagi membekalkan alat2 Pembesar Suara untok kelima2 buah Sekolah Ugama, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei : —

a) SEKOLAH UGAMA KAMPONG LURONG DALAM;
b) SEKOLAH UGAMA KAMPONG SABA;
c) SEKOLAH UGAMA DAERAH TEMBURONG;
d) SEKOLAH UGAMA BATU 1½, JALAN TUTONG, BSB; dan
e) SEKOLAH UGAMA PEKAN SERIA.

2. Butir2 dan keterangan2 lanjut mengenai perkara itu boleh-lah di-dapati dari Penguasa Pelajaran Ugama di-tingkat ke-dua, bangunan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Bega-wan, Brunei pada bila2 masa waktu pejabat di-buka.

HAJI ABDULLAH METASSAN
*bp. Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama,*
*Brunei.*

## Pemberitahuan Tawaran

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa untok membekalkan barang2 makanan dan minuman bagi tahun 1976 (Mei, 1976 hingga 31hb Disember, 1976) bagi sekolah2 yang menjalankan ranchangan ini. Tawaran2 ini hanya akan di-terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran d/a Jabatan Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, Brunei hingga jam 4.00 petang, pada hari Sabtu 2hb Februari, 1976.

Tawaran2 yang di-terima lewat dari tarikh dan waktu yang di-sebutkan di-atas akan di-tolak.

Sampul surat mesti-lah di-tulis di-atas-nya "TAWARAN RANCHANGAN PERMAKANAN SEKOLAH2 NEGERI BRUNEI" dan di-alamatkan kapada:

Pengerusi Lembaga Tawaran, Jabatan Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan.

Sa-tiap tawaran mesti-lah di-daftarkan dengan bayaran chengkeram (deposit) sa-banyak $65.00 (enam puloh lima ring-git) untok tiap2 satu kumpulan sekolah yang di-tetapkan itu ka-Jabatan Pelajaran, Bandar Seri Begawan, Brunei. Wang chengkeram akan hilang jika penawar yang berjaya menolak tawaran yang di-tawarkan kapada-nya dan wang chengkeram akan di-kembalikan kapada penawar yang tidak berjaya se-sudah keputusan-nya di-umomkan.

Tawaran hanya akan di-pertimbangkan kapada penawar2 tempatan Daerah di-Bahagian Sekolah2 yang berkenaan sahaja.

Tawaran2 mesti-lah di-buat di-atas Borang Khas yang di-sediakan di-Jabatan Pelajaran. Butir2 lanjut boleh di-dapati di-Jabatan Pelajaran, Bandar Seri Begawan.

Kerajaan tidak terikat untok menerima tawaran2 yang sa-habis rendah sekali atau sebarang tawaran.

AHMAD BIN HAJI JUMAT
*b/p Pengarah Pelajaran, Brunei.*

# JAWATAN KOSONG SA-BAGAI PENGAWAS AL-QURAN

Permohonan2 ada-lah di-pela-wa daripada chalon2 yang ter-diri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan sa-bagai Pengawas Al-Quran di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

**KELAYAKAN2 DAN PENGALAMAN :**

Guru Ugama Terlateh mem-punyai pengalaman sekurang-nya lima tahun sa-bagai Guru Ugama serta berpengalaman sa-bagai Guru Besar/Ketua Guru tidak kurang dari tiga tahun dan mem-punyai pengetahuan yang luas dalam bachaan Al-Quran serta mempunyai sebarang sijil kursus Al-Quran.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji U. 5 — $585x25-635-690x20-830.

Sa-seorang yang sedang ber-khidmat dengan Kerajaan hen-dak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 per-mohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Chatetan Per-khidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-han-tar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pengarah Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 de-ngan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 6hb Mach, 1976.

## Sa-bagai Pegawai Asrama

Permohonan2 ada-lah di-pela-wa daripada chalon2 yang ter-diri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan ko-song sa-bagai Pegawai Asrama di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

**Kelayakan2 :**

a) Pemohon2 mesti-lah ber-umor di-antara 25 hingga 45 tahun.
b) Mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah IV Sekolah Me-layu dan Darjah IV Sekolah Ugama.
c) Keutamaan akan di-beri ka-pada mereka yang mem-punyai pengalaman meng-ajar dan mempunyai penga-laman mengenai kawalan penuntut2 di-Asrama.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D.3-4 EB.5 — $490x25-615-670x20-790/EB / 820 x 20-880. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang ber-khidmat dengan Kerajaan hen-dak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 per-mohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Chatetan Per-khidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-han-tar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pengarah Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 de-ngan salinan surat2 akuan dan sijil tidak lewat dari 4hb Mach, 1976.

MENDERMA - LAH
KAPADA
TABONG PEMBENAAN
STADIUM

# K'taan Pegawai Penguasa Warith

**No. 1/1976**

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Siti Noraini bte Hj. Abd. Rahman, d/a. No. 36 Kampong Salambigar, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Abd. Rahman @ Haji Chuchu bin Haji Ismail yang telah mening-gal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

**No. 4/1976**

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Pehin Udana Khatib Dato Setia Haji Mohd. Tamin bin Abd. Hamid, d/a. No. 8 Bangun-an Madrasah, Brunei, kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Haji Bakar bin Haji Arshad yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah chuchu kapada si-mati.

**No. 5/1976**

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Kaimah bte Metali, d/a. Chegu Moksin bin Pg. Da-mit, No. 193, (LB) Batu 4 Jalan Tutong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesa-ka yang di-punyai oleh Abdullah bin Lamit yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

**No. 6/1976**

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dy. Limah bte Sulaiman, d/a. No. 60 Kg. Setia, Brunei kerana minta Surat Kuasa ka-pada harta pesaka yang di-punyai oleh Osman bin Damit yang telah meninggal dunia di-Limbang, Malaysia dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu ka-pada si-mati.

**No. 7/1976**

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dy. Samah bte Osman, d/a. No. 37 Kg. Tanah Jambu, Jalan Muara, Brunei kerana minta Su-rat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Abd. Rah-man bin Jaya yang telah mening-gal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan2 di-beri bahawa permohonan2 di-atas akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 14 haribulan Februari, 1976, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehen-daki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan2 itu bo-leh-lah menghantar surat ban-tahan kapada Mahkamah Pega-wai Penguasa Warith, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 3 haribulan Feb-ruari, 1976.

AWG. HAJI MOHD. ALI BIN HAJI MOHD. DAUD
*Tim. Pegawai Penguasa Warith,*
*Negeri Brunei.*

# Sa-bagai Jurugambar di-DBP

Permohonan2 ada-lah di-pela-wa daripada chalon2 yang ter-diri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 sa-bagai Juru Gambar di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

**Kelayakan2 :**

a) Pemohon2 mesti-lah mem-punyai kelulusan Sekolah Menengah atau yang se-banding dengan-nya.
b) Mempunyai bakat, pengala-man dan kebolehan dalam hal penggambaran;
c) Pemohon2 yang tidak mem-punyai kelulusan yang di-sebutkan dalam (a) tetapi mempunyai bakat, pengala-man dan kebolehan akan ju-ga di-pertimbangan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB. 4—$290x10-350x15-440-490x 25-615/EB/670x20-790. Gaji per-mulaan bergantong kapada ke-layakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang ber-khidmat dengan Kerajaan hen-dak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 per-mohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Chatetan Per-khidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-han-tar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pengarah Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 de-ngan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 28hb Feb-ruari, 1976.

PELITA BRUNEI, Hari Rabu 11hb Februari, 1976.

# PENERIMA2 PENGORNIAAN BINTANG2 KEBESARAN DAN PINGAT2 K'TAN

**Dari muka 1**

kasa Major Ishak bin Abdul Hamid, Awang Mohd Nawawi bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Awang Haji Mohd Taha, Awang H. M. Widdows, Awang D. Robertson, Awang E. Thorndike dan Dato Dr. N. D. Joshi.

Major A. J. Ralley, YDM Pehin Datu Laksamana Insp. Abdul Latif bin Haji Abdul Ghaffar, YDM Pehin Datu Dermasakti Insp. Abdul Razak bin Abdullah, YDM Pehin Datu Indera Setia Lt. Col. Sulaiman bin Haji Damit, Insp. Pengiran Kamaluddin bin Pengiran Haji Besar dan WO II Haji Bahar bin Haji Tamit di-korniakan **Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua—D.P.M.B.**

Penerima Bintang2 dan Pingat2 yang lain-nya ada-lah saperti berikut :

**Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahgia Darjah Ketiga — S. N. B.**

Penglima Raja Awang Abdul Rashid bin Haji Ibrahim dan Penglima Asgar Awang Ahmad bin Haji A. Rashid.

**Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Ketiga — S. L. J.**

YAM Pengiran Lela Perkasa Pengiran Mohd. Said bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, YDM Pehin Datu Bendahara Captain Sari bin Ahmad, YDM Pehin Manda Bini Kawang Limah binte Awang Besar, Major W. J. B. Peat, Major T. D. Vassar, Major G. J. Slater, Major T. A. Brown dan Major P. A. Spooner.

**Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga — S. M. B.**

Captain J. B. L. Smith, Pengiran Haji Mohammad ibni Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman, Pengiran Mohammad bin Pengiran Haji Ismail, YB Pehin Orang Kaya Seri Setia Awang Haji Ali bin Ismail, Sgt. 345 Awang Ahmad Besar bin Haji Salleh, Awang Alimas bin Maidin, Cpl. 44 Hulubalang Awang Md. Aimey bin Abdullah, PC. 869 Hulubalang Awang Lundin bin Salleh, Cpl. Hulubalang Haji Abdul Rahman bin Bakar, Cpl. Hulubalang Ahmad bin Masir, PC. Pengarah Awang Zaini bin Mahmud, Sgt. 574 Awang Bagol bin Momin dan Lt. Ismail bin Othman.

**Darjah Pahlawan Negara Brunei Yang Amat Perkasa Darjah Keempat — P. J. B.**

L/Cpl. Rosmi bin Tahir.

**Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahgia Darjah Keempat — P. S. B.**

Awang G.S. Sweetland, Awang Strugnell, WO I Zulkifli bin A. Besar, WO II Hamdani bin Tamin, WO II Julaihi bin Haji Abd. Majid, S/Sgt Talib bin Arshad, Sgt. Saban bin O.K. Haji Durahim, Sgt. Salleh bin Ali, Sgt. Tohara bin Md. Yusof, Sgt. Ya'akub bin Othman dan Cpl. Abd. Ghani bin Rashid.

**Pingat Hassanal Bolkiah Sultan Pangkat Pertama P.H.B.S. — (I)**

YAM Pengiran Seri Maharaja Pengiran Muda Omarali ibni Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman, Pengiran Manggong bin Pengiran Metahir dan Pengiran Apong bin Pengiran Metahir.

**Pingat Hassanal Bolkiah Sultan Pangkat Kedua P.H.B.S. — (II)**

YDM Pehin Orang Kaya Indera Laila Begawan Mudim Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Mat Seruddin, YB Pehin Datu Singamenteri Arif bin Mujun, Cpl. 33 Pengiran Mahmud bin Pengiran Haji Othman, PC. 658 Rosli bin Bujang, PC 967 Nekman bin Idris, PC. 714 Abu Bakar bin Aliyuddin, PC. 920 Abdul Rahman bin Khatab, PC. 179 Ali bin Talib, PC. 586 Abd. Momin bin Abd. Hamid, PC. 541 Bakar bin Ramli, PC. 370 Johari bin Md. Zain, PC. 625 Abd. Latif bin Bungsu dan Captain G.H. Laurie.

**Pingat Bakti Jasa Ikhlas — P. B. J. I.**

YB Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt. Col. Dato Setia Mohammad bin Haji Daud, YDM Pehin Datu Dermajasa Dato Hamzah Pahlawan Haji Metali bin Osman, Cpl. 9 Awang Lamat bin Samad, Cpl. 107 Awang Jafaruddin bin Haji Ja'afar, Cpl. 491 Awang Md. Ali bin Rajab, Cpl. 612 Awang Yong Fook Cheng, Cpl. 619 Awang Untong bin Haji Simpon, Cpl. 140 Awang Lamat bin Husin, Cpl. 552 Awang Abdullah bin Haji Ya'akub, Cpl. 563 Awang Md. Daud bin Ja'afar, Cpl. 593 Awang Osman bin Haji Abang Suhaili, PC. 76 Awang Mohd Zaini bin Haji Awang Damit, PC. 85 Awang Rannie bin Ahmad, PC. 188 Awang Abdul Ghani bin Tengah, PC. 299 Awang Mahali bin Abdul Rahman, PC. 440 Awang Baha bin Dagang, PC. 443 Awang Mulok Anak Aji, PC. 525 Awang Harith bin Abdullah, PC. 589 Awang Zahree bin Chuchu, PC. 688 Awang Razak bin Kampar, PC. 678 Awang Ali Raman bin Matali, PC 693 Awang Abdul Rahman bin Bujang, PC. 732 Awang Suhaimi bin Hamid, PC. 727 Awang Hashim bin Maidin, PC.737 Awang Osmera bin Abdullah, PC. 885 Awang Rashid bin Kassim, PC. 913 Ak. Maslan bin Pengiran Manai, PC. 931 Awang Raya bin Jambol dan PC. 537 Awang Ghani bin Awang Timbang.

PC. 1020 Awang Razak bin Muhammad, PC. 1021 Awang Kampong bin Haji Ibrahim, PC. 1023 Awang Tassim bin Bustam, PC. 1057 Awang Lajim bin Munchong, PC. 1080 Awang Suhaili bin Haji Ahmad, PC. 120 Awang Abdullah bin Tengah, PC. 397 Awangku Salat bin Pengiran Ibrahim, PC. 569 Awang Mohammad bin Hamid, PC. 576 Awang Tarip bin Rajab, PC. 731 Awang Shahbuddin bin Md. Noor, PC. 833 Awang Abdullah bin Salleh, PC. 855 Awang Bakar bin Timbang, PC. 1036, Awang Md. Idris bin Mahali, PC. 101 Awang Gara Anak Simong, PC. 104 Awangku Sabtu bin Pengiran Damit, PC. 228 Awang Yusop bin Puteh, PC. 330 Awang Bujang bin Haji Ahmad, PC 435 Awang Bassinih bin Sapik, PC. 429 Awang Abdul Jami bin Haji Hassan, PC. 471 Awang Ahmad bin Md. Noor, PC. 518 Awang Maslee bin Enja, PC. 543 Awang Hussin bin Ajak, PC. 645 Awang Ahmad Daud bin Md. Idris, PC. 659 Awang Razali bin Sabli, PC. 691 Awang Ibrahim bin Haji Yassin, PC. 696 Awang Kasah bin Ahad, PC. 700 Awang Adi bin Duraman PC. 713 Awang Abdul Rahman bin Serudin, PC. 789 Awang Nordin bin Metussin, PC. 888 Awang Adnan bin Badarudin, PC. 895 Awang Asih bin Gadong, PC. 938 Awang Damit bin Ampuan Sarifuddin, PC. 985 Awang Besar bin Mahali, PC. 989 Awang Latif bin Momin, PC. 1007 Awang Ismail bin Tengah, PC. 1040 Awang Yahya bin Halim, PC. 1082 Awang Abu Bakar bin Haji Hassar dan PC. 1130 Awang Gadong bin Yassin.

**Pingat Jasa Kebaktian — P.J.K.**

YAM Pengiran Indera Perkasa Pengiran Haji Hamdan bin Pengiran Haji Ismail, Pengiran Anak Hassan bin Pengiran Anak Sabtu Kemaluddin, YDM Pehin Datu Harimau Padang Major Hussin bin Ahmad, YDM Pehin Orang Kaya Indera Laila Begawan Mudim Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Mat Seruddin, YDM Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Mohd Salleh bin Haji Masri, YDM Pehin Datu Indera Negara Lt. Col. Mohd Ariffin bin Haji Abdul Wahab, YB Pehin Orang Kaya Seri Setia Awang Haji Ali bin Ismail, YDM Pehin Datu Paduka Raja Captain Shari bin Ahmad, Cpl. 591 Hassan bin Md. Yusof, Cpl. 131 Pengiran Md. Yassin bin Pengiran Haji Md. Said, Cpl. 483 Serudin bin Hussain, Cpl. 609 Ahmad bin Metassan, PC. 482 Basri bin Abd Hamid, PC. 816 Muhammad bin Ahmad, PC. 812 Manap bin Tahir, PC. 164 Ismaiil bin Rabaha, PC. 74 Aji bin Nasir, PC. 908 Azahari bin Abd. Hamid, PC. 558 Abd. Hamid bin Abdullah dan PC. 449 Abidin bin Abd. Rashid.

**Pingat Indah Kerja Baik — P. I. K. B.**

Pengiran Sulaiman bin Pengiran Laila Raja Pengiran Haji Buntar, YDM Pehin Datu Perkasa Major Ishak bin Haji Abdul Hamid, Awang Ja'afar bin Mohd Yassin, Dato Setia (Dr.) I. G. Singh, Dayang Hazelina binte Abdullah, Dayang Hayati binte Nordi, Dayang Hamisah binte Kadis, Awang Rahman bin Husin, Awang Tudin bin Paya, Awang Shamsuddin bin Mahmud, Awang Othman bin Tunggal Awang Yamin bin Metussin, Awang Wasli bin Ismail, Awang Ismail bin Rajab, Awang Abdullah bin Mohammad, Awang Zakaria bin Haji Metali, Awang Sidek bin Omar, Awang Mohd Said bin Ahmad, Awang Jamil bin Ahmad, Awang Jamaluddin bin Abdullah, Awang Ismail bin Ibrahim, Awang Hussein bin Serudin, Awang Hamidon bin Ahmad, Awang Asar bin Barudin, Awang Taweh bin Mohd Salleh, Awang Ahmad bin Haji Rajab, Awang Hamdan bin Omar, dan Pengiran Ahmad bin Pengiran Besar.

## Pulang sa-telah tamat menjalani latehan

BANDAR SERI BEGAWAN. —Tiga orang anggota bomba telah pulang ka-tanah ayer pada minggu lalu sa-telah menjalani satu kursus tiga bulan di-beberapa buah balai bomba di-Singapura.

Mereka ia-lah Pegawai Balai Pengiran Kamaluddin bin Pengiran Kerma Negara Pengiran Abdul Wahab, penolong2 Pegawai Balai Awang Haji Ibrahim bin Abdul Ghani dan Awang Suhaili bin Haji Metussin.

Mereka telah di-lateh dalam penggunaan peralatan moden memadam kebakaran dan langkah2 keselamatan.




LEMBAGA Bandaran Bandar Seri Begawan telah membena dua buah pondok untok menerima pembayaran letak kereta.

Sa-buah daripada-nya terletak di-Jalan McArthur dan satu lagi di-kawasan Pasar Besar (gambar atas).

Apabila sistem pembayaran ini di-mulakan pada 16hb Februari ini sa-orang atendan letak kereta akan di-tugaskan di-situ untok menerima pembayaran dari resit peringatan maaloman (advice note) yang di-keluarkan oleh atendan yang bertugas di-semua kawasan letak kereta yang berbayar yang bertarikh tidak lebeh dari tujoh hari. Mana2 peringatan maaloman yang bertarikh tujoh hari hendak-lah di-jelaskan di-Pejabat Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan.

Atendan2 letak kereta akan bertugas di-pondok itu dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari 1.30 petang hingga 3.30 petang.

Sistem tersebut di-adakan semata2 untok memberi kemudahan kapada pemandu2 kereta yang meletak kereta mereka di-Bandar Seri Begawan yang di-keluarkan resit peringatan maaloman tetapi belum menjelaskan supaya akan dapat menjelaskan pembayaran-nya di-pondok itu.

## Barisan tamat latehan bagi rekrut2 AMDB

BERAKAS.— Sa-ramai 68 orang rekrut Askar Melayu Diraja Brunei dari pengambilan ke-37 telah menamatkan latehan mereka pada minggu lalu. Satu perbarisan sa-bagai menandakan berakhir-nya latehan sa-lama 25 minggu itu telah di-adakan di-Perkhemahan Bolkiah pada hari Jumaat lalu.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Abdul Rahman Piut telah menerima tabek dan memereksa barisan kehormatan di-upachara itu.

### REKRUT TERBAIK

B/5458 Rec. Alihan bin Alas telah di-pileh sa-bagai rekruit terbaik sa-masa menjalani latehan, B/5415 Rec. Mohd Peter bin Abdullah di-pileh sa-bagai penembak M16 yang terbaik, B/5448 Rec. Hassem bin Kasan terbaik dalam menembah HK13 dan B/5452 Rec. Mahadi bin Libut terbaik dalam latehan jasmani. Sementara B/4580 Cpl. Ismail bin Mohammad di-pileh sa-bagai jurulateh terbaik.

Hadiah2 kapada rekruit yang terbaik telah di-sampaikan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Temenggong. Yang Teramat Mulia itu juga telah menyampaikan tauliah Lieutenan penoh kapada Awang Mohd Yusof bin Abu Bakar, sa-orang pegawai yang mempunyai kelulusan B.Sc. dalam jurusan kejuruteraan dan lapan orang pegawai kadet.

**Dari muka 2**

rang dari 8 inchi x 8 inchi.

Semua lukisan2 hendak-lah berwarna yang melukiskan atau menggambarkan pemandangan2 Negeri Brunei.

Peserta2 ada-lah di-kehendaki membuboh nama, tingkatan, nama sekolah dan tajok lukisan. Lukisan2 dan pertukangan tangan yang telah di-pamerkan pada tahun2 lalu tidak akan di-terima.

Jenis2 lukisan dan pertukangan tangan yang akan diberikan hadiah ia-lah lukisan alam benda, lukisan alam semula jadi, orang hidup, gubahan fikiran pemandangan2 di-Brunei, lukisan moden art, poster yang berunsorkan Pelajaran, Keselamatan di-jalan raya dan perkembangan2 Negeri Brunei dan archa (sculpture).

Semua lukisan dan pertukangan tangan hendak-lah sampai ka-Setor Jabatan Pelajaran, Jalan Haji Basir, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari hari Khamis 29hb April, 1976.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, PEJABAT SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.